

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Saya merujuk kepada kes rayuan daripada Amirol Azery bin Abd Rahim berhubung dengan permohonan pengeluaran pendidikan daripada simpanan KWSP beliau.

Untuk makluman, terdapat syarat-syarat yang ditetapkan untuk setiap jenis pengeluaran di KWSP dan permohonan pengeluaran dari simpanan KWSP ahli hanya akan dipertimbangkan sekiranya permohonan tersebut mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

Semakan KWSP mendapati permohonan ahli tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana beliau tidak memenuhi syarat-syarat minimum yang ditetapkan. Bagi ahli yang mengikuti pengajian kursus Diploma eksekutif/diploma profesional di IPTA atau IPTS dalam Negara perlu mematuhi syarat berikut:

- (a) Sekurang-kurangnya 3 kredit dalam SPM dan
- (b) Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja. Surat pengesahan majikan perlu dikemukakan yang menyatakan tempoh perkhidmatan dan jawatan pekerja.

Walaupun ahli mematuhi syarat kedua iaitu mempunyai tujuh tahun pengalaman bekerja, permohonan beliau tidak dapat dipertimbangkan kerana kredit yang beliau perolehi dalam peperiksaan SPM kurang daripada syarat kelayakan minimum.

(AHMAD FAUZI KAMARUDIN)

Ketua Komunikasi Korporat

Jabatan Hal Ehwal Korporat

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Tarikh: 11 Julai 2014